

Perakaunan Baitul Mal: Pengajaran Dari Tamadun Awal Islam

Ahmad Zamri Osman @ Hussin*
 Muslim Har Sani Mohamad
 Hafiz-Majdi Ab. Rashid
 Maliah Sulaiman
 Siti Alawiah Siraj
 Marhanum Che Mohd Salleh

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

ABSTRAK

Makalah ini mengkaji amalan ‘perakaunan’ dalam sejarah Islam dan bagaimana ia boleh memberi pemahaman tentang kemungkinan membangunkan amalan perakaunan dan pelaporan berkaitan harta kekayaan Islam. Perspektif sejarah berkaitan ketelitian pemisahan dalam aktiviti pengagihan dan penggunaan pelbagai jenis harta Islam boleh memberi petunjuk tentang bagaimana isu percampuran dana yang berbeza dapat ditangani. Kemiripan amalan ini berbanding perakaunan dana ditampikan disini. Isu bagaimana transaksi antara dana dalam pengurusan harta Islam di institusi seperti Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) di Malaysia yang mungkin dipengaruhi oleh amalan sejarah dalam menguruskan kekayaan organisasi juga disentuh. Untuk lebih memahami amalan perakaunan bersandarkan sejarah, kajian ini meneliti dan menyorot penulisan terdahulu. Penelitian ini menggunakan lensa perakaunan dalam memahami kandungan penulisan berkenaan. Pengajaran yang diperoleh dari kajian mengenai pengurusan, perakaunan dan amalan semasa pada zaman Nabi Muhammad s.a.w. dan era para sahabat bagi pelbagai sumber kekayaan boleh memandu pengurus harta Islam kontemporari di Malaysia tentang bagaimana perakaunan dan perakaunan yang patuh Syari’ah perlu dibangunkan.

Kata kunci: Baitul mal, perakaunan dana, transaksi antara dana, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN)

ABSTRACT

This paper reviews the ‘accounting’ practices in Islamic history and how it provides an understanding on the manner accounting and reporting practices of contemporary Islamic wealth may be developed. The historical perspective of the meticulous separation on the distribution and utilization of different types of Islamic wealth provides an insight on how the commingling of different funds was avoided. Similarities of such practices to that fund accounting are raised. Issues on how inter-fund transactions in contemporary Islamic wealth management in institutions such as the State Islamic Religious Councils (SIRCs) in Malaysia may have been influenced by the historical practices in managing the wealth of such organizations is also discussed. To better understand the practices, this paper reviews historical literatures using ‘accounting’ lenses. The insights gained from the review of management, accounting and governance practices during the Prophet Muhammad (peace be upon him) (pbuh) time and the companions’ era on the various sources of wealth, provides contemporary Islamic wealth managers in Malaysia a guide as to how Shari’ah compliant accounting and reporting practices should be developed.

Keywords: *Baitul mal*, fund accounting, inter-fund transactions, State Islamic Religious Councils (SIRCs).

*The corresponding author is an Assistant Professor at Kulliyah of Economics and Management Sciences, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. This article reports part of the findings of research project funded by the Accountant General's Department of Malaysia.

PENGENALAN

Perakaunan untuk wakaf, zakat dan baitul mal (WZB) menjadi isu penting di negara-negara Islam, termasuk di Malaysia. Institusi WZB berhadapan dengan kesukaran – dan juga mungkin keliru; dalam melaporkan harta berkaitan WZB. Ini mungkin disebabkan kekangan dalam penggunaan piawaian perakaunan sedia ada yang berasaskan keuntungan. Manakala kewujudan institusi-institusi ini pula bukanlah bermotifkan keuntungan. Bagi menangani kekangan tersebut, Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM), dengan kerjasama 3 buah universiti, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), sedang berusaha membangunkan kerangka kerja konseptual dan piawaian perakaunan dan pelaporan Islam di Malaysia untuk WZB (Bernama, 2016). Usaha membangunkan piawaian berkenaan mempunyai cabarannya yang tersendiri. Titik permulaan bagi usaha tersebut boleh tercetus dengan meneliti dan menyorot makalah/penulisan sejarah dan amalan masa lalu dengan menggunakan lensa perakaunan. Dalam hal ini, Zaid (2000a) dan Zaid (2000b) telah menggunakan pendekatan yang sama dengan memberi tumpuan kepada organisasi bukan berasaskan keuntungan. Penumpuan terhadap amalan institusi-institusi awal seumpamanya dalam sejarah Islam membolehkan kita memahami kerumitan kepelbagaian urusaniaga dan bagaimana pengalaman tersebut dapat dimanfaatkan dalam membentuk amalan dan piawaian perakaunan yang sedang dibangunkan. Walau bagaimanapun, penulisan mengenai perkara ini adalah agak terhad pada masa kini. Oleh itu, makalah ini memaparkan wacana singkat mengenai amalan perakaunan dalam sejarah Islam.

Makalah ini bermula dengan membincangkan konsep baitul mal dalam sejarah Islam, peranannya dalam menguruskan harta kekayaan mengikut jenis harta kekayaan. Kemudian ia akan memfokuskan kepada penerapan unsur sejarah terhadap amalan perakaunan kontemporari, manakala bahagian seterusnya akan membincangkan secara terperinci mengenai perakaunan dana. Bahagian yang terakhir pula akan menampilkan kesimpulan serta cadangan kepada pembuat polisi dalam menambahbaik mutu perakaunan dan pelaporan bagi insitituti WZB pada masa akan datang.

BAITUL MAL: ASAS DAN PENGURUSANNYA

Baitul mal, yakni perbendaharaan negara Islam, telah dimulakan oleh Nabi Muhammad S.A.W. dan seterusnya dikembangkan oleh para sahabatnya - *Khulafa 'ar-Rashidin*. Secara literalnya, baitul mal adalah gabungan dua kata nama Bahasa Arab; *bait* yang bermaksud 'rumah' dan *al-mal* yang bermaksud 'harta'. Oleh itu, baitul mal adalah bermaksud "Rumah Harta". Walaupun diterjemahkan sebagai "Rumah Harta", ia tidak semestinya mempunyai bentuk fizikal. Aktiviti menghimpunkan harta sudah dikira mencukupi dalam memaknakan baitul mal. Oleh itu, baitul mal tidak memerlukan kewujudan fizikal seperti bangunan atau pejabat (Al-Mawardi, 2005). Pengertian baitul mal dapat ditelusuri ketika zaman Nabi Muhammad S.A.W. di mana baginda mengagihkan kutipan cukai tanah (*kharaj*) dan cukai keselamatan (*jizyah*) yang dikenakan kepada orang bukan Islam (*kafir dhimmi*) yang dikumpulkan di Bahrain, Yaman dan Oman. Ia kemudiannya diagihkan kepada mereka yang berhak. Lokasi yang digunakan untuk menyimpan dan mengedarkan kutipan hasil ketika itu adalah di ruang Masjid Nabawi (Sadr, 2016). Walaupun tidak terdapat struktur tadbir urus yang lengkap sepertimana di zaman para sahabat, baitul mal yang wujud pada zaman Nabi Muhammad S.A.W. tetap berjaya mencapai matlamat dalam mengurangkan kemiskinan dan meningkatkan kemakmuran ekonomi ummah (Mughal, 2012).

Usaha untuk mengurus harta ummah diteruskan oleh khalifah pertama, Abu Bakr (ra) pada tahun 632 selepas hijrah (Possumah & Ismail, 2012). Apabila wilayah Islam berkembang ke Iraq, Syria, dan negara-negara lain, hasil yang diterima oleh kerajaan telah meningkat. Oleh itu, fungsi baitul mal sebagai perbendaharaan awam semasa era Abu Bakr (ra) turut diperkembangkan. Selepas pemerintahan Abu Bakr (ra), baitul mal telah menjadi institusi yang lebih hebat dalam memenuhi keperluan ummah di bawah kepimpinan Umar al-Khattab (ra) sebagai khalifah kedua.

Dalam tempoh kepemimpinan Umar (ra), terdapat peningkatan kekayaan yang ketara disebabkan oleh peningkatan wilayah yang dibebaskan oleh kaum Muslimin (Le Tourneau, 1986; Abu Ubayd al-Qasim, 2005). Ini kerana harta wilayah-wilayah berkenaan telah menyumbang kepada kekayaan negara Islam (Ibn-Khaldun, 2005). Sehubungan itu, terdapat keperluan bagi baitul mal untuk mempunyai pengurusan lebih yang kemas dan berstruktur dalam menguruskan harta yang semakin bertambah. Atas nasihat Khalid ibn al-Walid (ra), Umar (ra) telah menubuhkan *diwan* untuk menguruskan harta yang diterima dan dikumpulkan semasa pemerintahannya (Duri, 2011; Ibn-Khaldun, 2005). Pada asalnya *diwan* merujuk kepada daftar atau buku untuk merekodkan pendapatan dan perbelanjaan, tetapi setelah itu,

ianya lebih sinonim merujuk kepada tempat “yang dijadikan pejabat oleh para pegawai berkaitan”) (Ibn-Khaldun, 2005, ms 198). Takrifan ‘*Diwan*’ ini adalah dengan takrifan yang ditakrifkan dalam kamus Arab (al-ma’ani)¹, bermaksud jabatan, biro, atau majlis. Menurut Mughal (2012), baitul mal boleh dianggap sebagai jabatan atau biro yang ditubuhkan untuk melaksanakan dasar kewangan negara Islam. Ini menandakan permulaan penubuhan sebuah struktur khusus bernama baitul mal. Di samping itu, peristiwa ketibaan Abu Hurayrah (ra) dengan sejumlah besar wang dari Bahrain membuatkan penubuhan *diwan* ini menjadi lebih penting kerana kewujudannya memudahkan hal ehwal pengurusan harta. Selain itu, terdapat juga harta penganut Kristian yang dibebaskan tetapi kemudiannya mati yang juga dimasukkan ke dalam baitul mal (seperti yang dilaporkan dalam Muwatta’ oleh Imam Malik, Buku 27: hadith 13).²

PENUBUHAN BAITUL MAL

Dari perspektif sejarah, terdapat dua jenis baitul mal: *baitul mal al-khassa* (perbendaharaan peribadi pemimpin) dan *baitul mal al-muslimin* (perbendaharaan awam). Perbezaan ini amat penting untuk difahami kerana ia menunjukkan dengan jelas bahawa harta yang memberi manfaat kepada masyarakat umum harus dipisahkan dari harta peribadi pemimpin. Sumber perbendaharaan peribadi pemimpin termasuklah denda, harta yang dirampas (seperti rampasan perang) dan *fay’* (harta yang diagihkan kepada orang Islam tanpa pertempuran) (Le Tourneau, 1986). Perbezaan antara harta peribadi dan awam mungkin tidak terlalu penting pada masa itu kerana kurang atau tiada kejadian penyalahgunaan dana awam oleh pemimpin untuk kepentingan peribadi (Levy, 1957; Mez, 1937). Setiap pemimpin bertanggungjawab sepenuhnya terhadap rakyatnya. Apa yang lebih menarik, harta pemimpin walaupun bersifat peribadi, tetap juga boleh digunapakai sebagai rizab umum dalam situasi di mana harta awam tidak mencukupi (Le Tourneau, 1986; Mez, 1937). Kemungkinan ini juga menyebabkan kaburnya pemisahan antara harta peribadi dan harta awam yang kemudiannya menyebabkan baitul mal lebih dikenali sebagai perbendaharaan awam (Al-Mawardi, 2005; Ibn- Khaldun, 2005).

Seperti yang telah dibincangkan sebelumnya, baitul mal dianggap sebagai salah satu daripada *diwan* atau jabatan kewangan yang ditubuhkan pada era awal Islam untuk mengendalikan semua perkara kewangan dan kekayaan negara Islam (Duri, 2011). Menurut Al-Mawardi (2005), selain dari keperluan untuk mengurus kekayaan yang diterima dari wilayah-wilayah Islam yang lain, penubuhan baitul mal semasa zaman pemerintahan Umar (ra) juga digalakkan berdasarkan keperluan untuk menguruskan imbuhan tentera. Keperluan ini adalah berdasarkan cadangan Al-Hurmuzan, seorang pembesar berbangsa Parsi yang ditawan semasa penaklukan Iraq. Beliau mencadangkan kepada Umar (ra) supaya menyimpan daftar/senarai nama tentera dalam satu *diwan* khas (Sadr, 2016). Ini bertujuan untuk memastikan terdapat bukti rekod dimana tentera tersebut telah menerima bayaran bagi pertempuran yang disertai. Amalan penyimpanan rekod ini juga dilihat mampu memantapkan lagi pengurusan baitul mal di zaman Umar (ra) (Duri, 2011). Walau bagaimanapun, perbelanjaan baitul mal tidaklah hanya terhad kepada perbelanjaan ketenteraan. Seperti yang akan dibincangkan nanti, perbelanjaan lain termasuk juga bantuan yang diberikan kepada orang miskin. Suharto (2005) secara ringkasnya menyatakan bahawa jenis-jenis perbelanjaan baitul mal dapat dilihat dari pengertian *fay’* (harta rampasan) sebagaimana dinyatakan di dalam Al-Qur’an melalui ayat berikut,

“Dan apa yang Allah kembalikan kepada Rasul-Nya dari penduduk negeri-negeri - itu adalah untuk Allah dan Rasul dan bagi saudara-saudaranya dan anak-anak yatim dan pengembara yang berkelana, supaya ianya tidak hanya kekal berlegar di kalangan sikaya antara. Dan apa sahaja yang telah diberikan Rasul kepadamu - ambil; dan apa yang telah ditegah olehnya – maka janganlah. Dan bertakwalah kepada Allah; Sesungguhnya azab Allah amat berat” (Al Hashr: ayat: 7).³

Ayat di atas merujuk kepada tiga perkara penting; sumber harta, cara ianya dibelanjakan dan syarat penerima. Ini adalah peringatan jelas dari Allah bahawa kekayaan yang diberikan oleh Allah (dalam konteks ini, harta rampasan) mesti dibelanjakan bagi tujuan yang baik seperti memberikannya kepada orang miskin dan mereka yang memerlukan. Lebih utama lagi, Allah memberikan amaran tegas terhadap orang kaya bahawa mereka harus selalu berkongsi kekayaan mereka dengan orang miskin bagi merapatkan jurang perbezaan di antara mereka. Perbincangan berkaitan sumber harta kekayaan akan dibincangkan dalam perenggan seterusnya.

¹ <https://www.almaany.com>

² <https://sunnah.com/urn/411220>

³ Sahih International, <https://Qur'an.com/59/7>

SUMBER HARTA

Perbincangan berkaitan sumber harta memfokuskan kepada dua tempoh iaitu zaman Nabi Muhammad s.a.w. dan zaman para sahabat.

i) Semasa zaman Nabi Muhammad S.A.W.

Menurut Abu Ubayd al-Qasim (1989), semasa zaman Nabi Muhammad S.A.W., sumber harta bagi masyarakat umum sebenarnya berasal dari sumber harta yang ditetapkan untuk baginda sendiri. Secara khususnya, terdapat tiga sumber harta Nabi Muhammad S.A.W. *fay'*, *safi*, dan *khums al-khums*. *Fay'* merujuk kepada harta orang bukan Islam yang diperolehi secara aman tanpa sebarang pertempuran (Al-Mawardi, 2005). Ketika itu, harta kekayaan ini adalah kepunyaan eksklusif Nabi Muhammad s.a.w.. Walau bagaimanapun, seperti yang telah dibincangkan sebelumnya, baginda tidak mengambil manfaat daripada harta ini untuk kepentingan diri baginda. Sebaliknya ia dibelanjakan untuk kepentingan umum. Sementara itu, *safi* adalah harta hasil perang sama ada alih atau tak alih buat Nabi Muhammad S.A.W. sebelum ia diagihkan kepada seluruh anggota tentera. Manakala, *khums al-khums* adalah hampir sama dengan *safi* kerana ia merupakan bahagian kekayaan para Nabi Muhammad S.A.W.⁴ (Abu Ubayd al-Qasim, 1989). Walau bagaimanapun, jika *safi* adalah bahagian Nabi Muhammad S.A.W. sebelum diagihkan, *khums al-khums* pula adalah bahagian baginda pasca agihan. *Khums al-khums* pada umumnya adalah satu perlima (1/5) daripada yang satu perlima⁵ (iaitu 4%) daripada baki lebih harta; dan baginda menerima sahaja sebarang bentuk baki yang ditinggalkan untuknya (*fahuwa lah, la yukhtar*) (Abu Ubayd al-Qasim, 1989). Walaupun keadaan ini mungkin dianggap sebagai 'ketidakadilan' (kerana Nabi Muhammad S.A.W. diberi kelebihan dalam pengagihan kekayaan), namun baginda tidak menggunakan harta tersebut untuk manfaat peribadinya. Dilaporkan bahawa Nabi Muhammad S.A.W. hanya menggunakan harta tersebut secukupnya bagi menampung perbelanjaan keperluan peribadi dan keluarga manakala lebihannya digunakan sama ada untuk kegiatan *fi sabilillah* (kegiatan yang dijalankan untuk jalan Allah) atau ianya diperuntukkan kepada "kantung harta kekayaan Allah" - *maj'al mal Allah* (Abu Ubayd al-Qasim, 1989; Suharto, 2005). Oleh kerana harta Nabi Muhammad S.A.W. tidak boleh diwarisi oleh ahli keluarganya⁶, semua harta peninggalan Nabi Muhammad s.a.w. dianggap sebagai pencetus kepada pembentukan konsep awal baitul mal. Dengan mengambilkira keadaan ini, Suharto (2005) mewacanakan bahawa sesungguhnya pengertian harta kekayaan awam bertitik tolak dari amalan ini (iaitu "pendapatan Nabi") semasa hayat Nabi Muhammad S.A.W..

ii) Tempoh pasca Nabi Muhammad S.A.W.: Zaman para sahabat

Perbincangan berkaitan pendapatan/harta awam dalam tempoh pasca nabi (iaitu semasa era para sahabat) hampir sama seperti zaman sebelumnya tetapi dengan tambahan satu lagi sumber harta iaitu zakat. Menurut Abu Ubayd al-Qasim (1989), semasa tempoh pemerintahan Umar (ra), terdapat *fay'*, *khums*, dan *zakat*. *Fay'* yang sebelum ini milik Nabi Muhammad S.A.W. kini disalurkan kepada orang awam (iaitu baitul mal) (Aghnides, 1916). Dalam tempoh ini, *fay'* lebih dikenali sebagai hasil awam dan ia terdiri daripada 80% (4/5) daripada jumlah kutipan hasil (Al-Mawardi, 2005; Suharto, 2005). Baki 20% adalah *khums*, dimana pengagihannya mengikut konsep *khums al-khums* seperti yang dijelaskan di bahagian ini. *Khums* 'diagihkan' kepada Allah, kepada Nabi Muhammad S.A.W., kepada kerabat terdekat baginda, anak yatim, orang miskin, pengembara dan juga tentera (Al-Mawardi, 2005). Sepertimana yang dipraktikkan sebelum ini, bahagian Nabi (SAW) diberikan kepada baitul mal. Selain *fay'*, *khums* juga dianggap sebagai harta awam kerana ia diperolehi daripada orang Islam dan bukan Islam (Suharto, 2005). Tambahan pula, *khums* dianggap harta awam sepertimana yang dihujahkan oleh Abu Ubayd al-Qasim (1989) berkaitan terdapatnya bahagian Allah didalam harta ini (Al-Qur'an, al-Hashr 59:7). Secara umumnya, jika "bahagian Allah" dinyatakan didalam Al-Qur'an, maka ia merujuk kepada bahagian awam (Suharto, 2005, nota kaki 13). Ini menunjukkan bahawa pihak berkuasa awam mempunyai budibicara dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan pengagihan *khums*.

Sementara itu, sebagai sumber harta tambahan pada zaman ini, zakat merupakan hasil tertentu yang dikumpulkan daripada umat Islam apabila kekayaannya melebihi tahap minima (*nisab*). Semua benefisiari harta zakat jelas dinyatakan didalam Qur'an (at-Tawbah, 9:60). Ayat ini menetapkan bahawa terdapat 8 kategori penerima zakat (mengikut urutan ayat), iaitu golongan fakir (*fuqara'*); miskin (*masakin*); pekerja zakat (*amil*); mereka yang telah dijinakkan hati (*mu'allafu qulubuhum*); hamba (*riqab*); mereka yang berhutang (*gharimin*); pejuang di jalan Allah (*fi sabilillah*) dan pengembara (*ibnu sabil*). Dengan penetapan ini, pihak berkuasa awam tidak

4 Secara umumnya, pengagihannya agak bebas dan Nabi Muhammad SAW mempunyai beberapa kaedah berbeza dalam mengagihkan harta tersebut mengikut keperluan semasa. Walaubagaimanapun penggunaan istilah masih kekal. Untuk mengetahui lebih lanjut, sila lihat Suharto, U. 2005. **Kitab al-amwal : Abū 'Ubayd's concept of public finance**. Kuala Lumpur, Malaysia: International Institute of Islamic Thought and Civilization.

5 Empat perlima (80%) diagihkan secara eksklusif kepada tentera sebagai ghanecmah (rampasan).

6 Berdasarkan hadis "kami (para Nabi SAW), tidak tertakluk kepada pusaka. Apa yang kami tinggalkan adalah [dikira sebagai] sadaqah" (Suharto, U. 2005. **Kitab al-amwal : Abū 'Ubayd's concept of public finance**. Kuala Lumpur, Malaysia: International Institute of Islamic Thought and Civilization.

mempunyai budi bicara yang luas berkaitan dengan pengagihannya. Walaupun zakat mempunyai beberapa ciri harta awam, ia tidak boleh menjadi sebahagian daripada harta awam kerana konsep “awam” dalam zakat lebih spesifik daripada harta kekayaan lain, seperti *fay’* atau *khums* (Suharto, 2005). Oleh itu, harta zakat memerlukan pengurusan berbeza dan terpisah dari harta lain (Qaradawi, 2011). Mengenai zakat, Suharto (2005) seterusnya berpendapat bahawa,

“... zakat dianggap sebagai institusi kewangan awam yang berbeza dari fay’. Memang benar bahawa zakat telah sedia ada pada masa Nabi Muhammad S.A.W., tetapi ia bukanlah dikira institusi kewangan awam sepertimana yang kita fahami dalam erti kata moden”

Walaupun sumber-sumber pendapatan baru boleh disatukan di bawah satu kategori, (sebagai contoh *fay’*); kutipan zakat tidak boleh dihindarkan bersama (Suharto, 2005). Hal ini juga turut diperlihatkan melalui kisah Nabi Muhammad S.A.W. yang terjumpa sebiji tamar di jalanan. Pada ketika itu, baginda tidak tergamak untuk mengambilnya kerana bimbang jika ianya adalah harta zakat (Sunan Abi Dawud)⁷. Ini jelas menunjukkan ciri khas zakat dimana Nabi Muhammad S.A.W. sangat berhati-hati apabila berurusan dengan harta zakat.

Bagi harta wakaf pula, kewujudan istilahnya agak lewat dan para ulama mempunyai pendapat yang berbeza mengenai perkara ini. Secara umumnya, konsep asal wakaf dapat ditelusuri ketika zaman Rasulullah (S.A.W.) dan pemerintahan Umar (ra). Sebagai contoh, kewujudan tanah Fadak dan tanah Sawad sebagai tanah wakaf. Ketika zaman Nabi Muhammad S.A.W., tanah Fadak telah diberikan kepada baginda oleh orang-orang Yahudi yang diketuai Yusha ibn Nunin sebagai pertukaran demi menyelamatkan nyawa mereka (Suharto, 2005). Ia adalah tanah subur dengan hasil pertanian di kawasan oasis (Abu Ubayd al-Qasim, 1989). Separuh dari tanah dan hasilnya diberikan kepada Nabi Muhammad S.A.W. secara eksklusif, manakala selebihnya kekal buat masyarakat Yahudi. Ciri wakaf dilihat lebih terserlah apabila penggunaan manfaat tanah tersebut tidak terhad hanya kepada keluarga Nabi Muhammad S.A.W. sahaja, malah merangkumi para pengembara yang memerlukan (Suharto, 2005). Ciri wakaf ini menjadi semakin menonjol ketika zaman pemerintahan Umar (ra) apabila beliau memutuskan untuk membeli bahagian yang dipegang oleh orang-orang Yahudi. Penilaian wajar telah dibuat oleh Umar (ra) bagi tujuan pembelian tanah tersebut (Al- Mawardi, 2005). Hasilnya, tanah wakaf tersebut boleh digunakan oleh semua orang Islam dan tidak terhad kepada tentera sahaja.

Sementara itu, tanah Sawad⁸ pula adalah kawasan ladang yang luas yang merupakan sebahagian daripada negara Iraq. Umat Islam memiliki tanah tersebut dari Khusroes, sebuah kerajaan Parsi. Ciri-ciri wakaf disini adalah lebih jelas jika dibandingkan dengan tanah Fadak. Menurut Abu Ubayd al-Qasim (1989), ianya berdasarkan perbualan antara Umar (ra) dan Bilal (ra). Pada ketika itu, Bilal menegaskan bahawa Umar perlu membahagikan tanah yang ditawan kepada tentera mengikut amalan Nabi Muhammad S.A.W.. Bagaimanapun, Umar (ra) dengan jelas menunjukkan bahawa tanah ini perlu diletakkan sebagai ‘amanah’ seperti kenyataannya di bawah,

“Tidak, ini adalah sumber harta kekayaan. Namun saya akan menukarkannya menjadi [harta] amanah supaya faedahnya ditunjukkan kepada mereka dan kepada umat Islam umumnya” (Abu Ubayd al-Qasim, 2005)

Untuk lebih memahami perkara di atas dari sudut pandang perbincangan wakaf, kita perlu melihat teks asal tersebut didalam bahasa Arab. Bahagian pertama daripada jawapan Umar adalah *“la haza ‘ain al mal, wa la kinni ahbasahu fee ma yajri’ alayhim wa ala al muslimin”*. Perkataan *‘ain mal, ahbasahu* dan *yajri* dalam teks ini, semuanya merujuk kepada ciri-ciri wakaf. Secara terperinci, *‘Ain mal* menandakan bahawa harta tersebut akan dikekalkan sebaliknya hanya manfaat yang digunakan. Manakala, akar perkataan *ahbasahu* adalah *habs*. *Habs* adalah istilah lain merujuk pada wakaf (Kahf, 2007; Shirbini, 2015). Akhirnya, *yajri* bermaksud ‘mengalir’ yang mempunyai perkataan dasar *j-r*. Hadith terkenal mengenai wakaf menggunakan kata-terbitan yang sama iaitu *“sadaqatan jariyah”* yang bermaksud sadaqah yang “sentiasa mengalir”. Dasar pemerintahan Umar (ra) berkaitan dengan tanah Sawad ini mencetuskan idea penting dalam rangka pemikiran pengurusan berkaitan harta awam. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, tanah itu dianggap sebagai harta awam yang menguntungkan semua umat Islam dan bukannya terhad kepada tentera. Di samping itu, orang bukan Islam juga dapat

⁷ Hadith No. 1651 (<https://sunnah.com/abudawud/9>)

⁸ Secara literalnya, ia bermaksud hitam. Ia merujuk kepada kawasan pertanian yang menghidu menandakan kesuburan tanaman.

mengekalkan hak mereka untuk bertani dan membayar *kharaj* kepada kerajaan Islam, dan bukannya membayar cukai kepada pemerintah Parsi. Oleh itu, kita dapati bahawa keadilan dalam pengagihan dapat ditegakkan kerana ianya tidak hanya memberi manfaat kepada umat Islam pada masa itu tetapi juga buat umat Islam pada masa hadapan (Suharto, 2005).

Perbincangan di atas telah memberikan kita pencerahan mengenai kewujudan pelbagai jenis harta dengan ciri-ciri uniknya yang terdapat ketika zaman Nabi Muhammad S.A.W. serta para sahabatnya. Perbincangan sebegini memberikan pemahaman yang lebih mendalam mengenai bagaimana kekayaan sesebuah Negara itu harus ditadbirurur memandangkan objektif kewujudan setiap harta adalah berbeza.

PERBELANJAAN

Sejarah awal Islam menunjukkan bahawa perbelanjaan yang dibuat daripada setiap jenis harta adalah berdasarkan ciri-ciri khusus harta tersebut. Ianya dibelanjakan berdasarkan sama ada terdapat perintah Syariah khusus atau tidak. Sekiranya wujud perintah syariah, pemimpin Islam tidak boleh menggunakan budi bicara dalam menggunakan harta tersebut. Sebaliknya, seperti harta *fay'*, kajian menunjukkan bahawa tidak ada larangan khusus mengenai cara perbelanjaannya. Ini membolehkan pemimpin menggunakan kebijaksanaannya dalam membelanjakan harta tersebut. Perkara ini telah menyebabkan banyak perbelanjaan 'bertujuan umum' diambil daripada sumber *fay'* (Suharto, 2005). Ia termasuk pembinaan masjid, jambatan, terusan, dan gaji penjawat negeri seperti hakim, saksi, fuqaha (ulama Islam), pembaca al-Qur'an, imam dan muazzin (Al-Mawardi, 2005). Menurut para ulama Hanafi, sumber *fay'* boleh digunakan untuk kegunaan umum masyarakat Islam (*masalih al muslimin*) termasuk memperkukuh pertahanan di kawasan sempadan, penyelenggaraan kemudahan dan keselamatan jalinan jalan raya bagi tujuan perlindungan dari perompak, pembinaan kota pertahanan di kawasan bandar, imbuhan para hakim, mufti, pegawai penguatkuasa (*hisbah*), guru, pelajar, pegawai percukaian, dan pentadbir setempat. Secara ringkasnya, perbelanjaan akan dibuat bagi sesiapa sahaja yang melaksanakan tanggungjawab yang boleh memberi manfaat kepada agama dan masyarakat Islam (Aghnides, 1916).

Bagi harta *khums* pula, skop perbelanjaan adalah agak terhad dan spesifik seperti yang dinyatakan dalam ayat Al-Qur'an (al-Hashr, 59: 7). Ini termasuk perbelanjaan untuk anak yatim, pengembara dan kerabat terdekat Nabi Muhammad (S.A.W). Sekiranya ayat Al-Qur'an cuba mentafsirkan keterhadan penggunaan terhadap sesuatu harta, ayat tersebut tidak menggunakan perkataan "untuk bahagian Allah" atau "untuk bahagian Nabi". Jika perkataan-perkataan sebegini digunakan, ia menandakan harta tersebut terletak di bawah budbicara baitul mal. Sementara itu, pengagihan harta zakat adalah sangat spesifik sebagaimana yang dinyatakan di dalam Al-Qur'an (At- Tawbah, 9:60) dan telah dinyatakan sebelum ini. Oleh itu, budi bicara pemimpin dalam pengagihan zakat (sekiranya ada), adalah amat terhad berbanding dengan harta-harta lain.

Penggunaan diwan dalam mengurus perbelanjaan

Perbincangan berkaitan pengurusan harta Islam mungkin dapat dihayati secara lebih tuntas jika kita memahami proses kenegaraan Islam pada zaman Umayyah dan Abbasiyah. Dalam tempoh tersebut, tumpuan para pemimpin (khalifah) adalah untuk menguruskan perkhidmatan ketenteraan, termasuk imbuhan dan peralatan ketenteraan. Ini membawa kepada penubuhan *diwan al-jund*⁹ (tentera) (Duri, 2011). Penjelasan lanjut telah diberikan oleh Al-Mawardi (2005) dimana beliau menyatakan bahawa senarai nama dalam *diwan al-jund* ditulis mengikut urutan tempoh keberadaan mereka sebagai Muslim dan perkhidmatan mereka kepada Islam. Senarai itu tidak hanya terhad kepada tentera sahaja, bahkan ia meliputi wanita dan kanak-kanak (Al-Mawardi, 2005; Duri, 2011). Atas dasar ini, kita boleh menyimpulkan bahawa terdapat jenis-jenis perbelanjaan yang tidak berada di bawah bidangkuasa baitul mal secara terus. Atas sebab peri-pentingnya perbelanjaan ketenteraan, ia memerlukan kategori perbelanjaan yang berbeza dan terletak dibawah *diwan* berbeza. Disamping *diwan al-jund*, terdapat juga *diwan al-nafaqat* yang menguruskan perbelanjaan selain ketenteraan (Le Tourneau, 1986). Namun penubuhan *diwan al nafaqat* dari segi urutan masa, agak lewat iaitu di zaman pemerintahan Umayyad (Duri, 2011). Walaubagaimanapun, ada ketikanya kewujudan *diwan* yang berbeza tidak boleh menjamin pengasingan perbelanjaan sepenuhnya. Ini kerana kadangkala terdapat *katib* (penulis) yang bekerja untuk kedua-dua *diwan* dalam masa yang sama, iaitu di *diwan al-nafaqat* dan *baitul mal*, (Al-Jahshiyari, 1938, seperti yang disebutkan dalam Duri, 2011).

Perbincangan mengenai perbelanjaan juga dilihat memberi penekanan yang lebih terhadap perbelanjaan yang dilakukan oleh penjawat awam seperti pemimpin, hakim, pegawai kewangan dan pihak-pihak yang bertanggungjawab. Al-Mawardi (2005) telah

⁹ Istilah *diwan al-jund* datang lebih lewat walaupun secara konsepnya ianya telah wujud seawal zaman Umar ra

membincangkan isu ini secara mendalam. Menurut beliau, setiap penjawat awam mempunyai skop pekerjaan yang ditetapkan dan sebagai balasan, mereka menerima imbuhan mengikut pelaksanaan tanggungjawab yang diamanahkan. Pegawai tersebut tidak dibenarkan mengambil lebih daripada apa yang diperlukan oleh dirinya dan keluarga mereka. Dalam erti kata lain, perbelanjaan penggajian dikawalselia dengan amat ketat. Mereka yang bertanggungjawab dalam mengutip hasil dan mengeluarkan belanja tidak dibenarkan mengumpul tanpa membelanjakan dengan sebab yang kukuh (Aghnides, 1916). Di samping itu, para pegawai tidak digalakkan mengambil gaji terlebih dahulu. Mereka hanya dibenarkan menerima gaji bagi bulan semasa. Tahap perincian dalam wacana di atas menunjukkan peripentingnya isu perbelanjaan penjawat awam dicerna secara mendalam. Selain itu, beliau membezakan antara pegawai yang menerima gaji tetap yang mempunyai skop tanggungjawab yang telah ditentukan dengan mereka yang mempunyai skop tanggungjawab yang agak luwes. Beliau juga menambah satu kategori lain dalam perbelanjaan iaitu ketika mana pembayaran imbuhan tidak dinyatakan secara khusus. Bagi tujuan mengawal perbelanjaan penjawat awam, Khalifah Umar (ra) menekankan,

“... sesungguhnya saya telah menemui kebaikan dalam kekayaan hanya pada tiga perkara - bahawa ia dikumpulkan dengan adil; bahawa ia diagihkan adil; dan bahawa ianya dihalang daripada dibelanjakan untuk hal-hal yang tidak dapat sepatutnya. Sudah tentu, [Peranan] saya seperti penjaga anak yatim berkaitan kekayaan anda. Sekiranya saya mampu, saya tidak akan menggunakannya. Dan jika saya memerlukan, maka saya hanya akan menggunakannya dengan cara yang munasabah; sepertimana haiwan Badwi menjamah makanan” (Al-Mawardi, 2005)

Dalam hal ini, kesimpulan dapat dibuat bahawa harta-harta baitul mal boleh dianggap sebagai mandat atau amanah dari Allah. Cara harta itu diperolehi dan bagaimana ia digunakan mestilah tidak bertentangan dengan undang-undang Islam. Lebih utama lagi, penubuhan baitul mal menjadi titik permulaan proses pengumpulan hasil negara Islam yang lebih teratur dan perakaunan yang lebih sistematik. Malah, kewujudan baitul mal juga sangat menyumbang kepada kewujudan iklim politik yang stabil dan ekonomi yang kuat terutamanya semasa kepimpinan Umar (ra).

PENGAJARAN

Sorotan karya yang telah ditinjau memberi petunjuk tentang cara baitul mal diurus dan bagaimana harta-harta awam direkodkan semasa zaman Nabi Muhammad S.A.W. serta zaman sahabat (ra). Nabi Muhammad S.A.W. telah menetapkan tanda aras mengenai perkara ini, di mana walaupun harta tersebut hanya bernilai sebiji tamar kering yang datang dari baitul mal, ianya tidak harus diambil oleh penjawat awam untuk kegunaan peribadi. Kesucian harta wakaf dan zakat telah dipelihara dengan tahap akauntabiliti yang tinggi. Tahap akauntabiliti sebegini dibuktikan dengan amalan pemisahan antara harta umum dan harta persendirian pemimpin. Pemisahan antara dana peribadi dan awam seperti baitul mal mirip kepada konsep entiti yang sedang diamalkan dalam perakaunan pada masa kini iaitu dalam konsep entiti pemisahan di antara harta pemilik dan harta perniagaannya. Manakala baitul mal di zaman awal pemerintahan Islam pula membezakan harta awam dan harta peribadi pemimpin. Dengan mengaplikasikan pengajaran di atas dalam konteks Malaysia, setiap Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), perlu membezakan di antara dana yang dipegang bagi pihak awam dan dana milik MAIN sendiri. Sebagai satu badan yang ditubuhkan mengikut enakmen negeri dan Perlembagaan Persekutuan Malaysia, ia dipertanggungjawabkan untuk menguruskan hal ehwal agama termasuk harta Islam. Usaha membezakan harta seharusnya tidak terhenti setakat mengenalpasti dana awam atau dana milik MAIN. Malah pengasingan diantara satu dana awam dengan dana awam yang lain juga perlu dizahirkan seperti penubuhan dana wakaf dan zakat. Satu lagi perkara penting yang perlu diteliti adalah berkaitan dengan perbezaan pemahaman tentang konsep baitul mal dalam sejarah awal Islam, berbanding dengan apa yang difahami dan diamalkan di Malaysia pada masa kini. Walaupun baitul mal secara umumnya merujuk kepada keseluruhan harta negara Islam, di Malaysia baitul mal umumnya merujuk kepada harta yang diuruskan selain wakaf dan zakat.

Selain konsep entiti dan pengasingan dana, penubuhan beberapa *diwan* ketika zaman pemerintahan Umar (ra) dalam mengambilkira pelbagai jenis harta kekayaan yang diterima dan dibelanjakan oleh baitul mal perlu dijadikan asas dalam melaksanakan tanggungjawab dan akauntabiliti para pemimpin. Memandangkan harta seperti zakat dan wakaf mempunyai peraturan Syari'ah yang spesifik dan berbeza dari segi penggunaan dan pengagihannya, *diwan* yang berasingan bagi setiap jenis harta ini telah ditubuhkan. Ketiadaan *diwan* yang berasingan boleh mengakibatkan pengumpulan dan percampuran harta dalam satu dana, dan ini boleh menjejaskan objektif Shari'ah penggunaan sesuatu harta berkenaan. Penggunaan *diwan* di sini adalah mirip dengan perakaunan dana (*fund accounting*) dalam konteks kontemporari. Secara khusus, dalam perakaunan dana, setiap dana dianggap sebagai entiti perakaunan yang berasingan dan

disokong oleh mekanisme tadbir urus yang berkaitan termasuk tugas dan peranan pemimpin dalam mengumpul dan menggunakan dana. Ulama kontemporari seperti Qaradawi (2011) juga berhujah tentang keperluan pemisahan dana yang diterima terutama untuk zakat. Memetik Al Sarkhasi (dalam al Mabsut), Qaradawi (2011) menyatakan terdapat empat sub-perbendaharaan di dalam pemerintahan negara Islam awal iaitu *zakat*, *jizyah*¹⁰ dan *kharaj*¹¹, rampasan perang dan *rikaz*¹², dan *luqatah*¹³.

Kewujudan *diwan* juga membayangkan terdapat beberapa amalan perakaunan yang dilaksanakan dalam sejarah awal Islam. Ini sebenarnya amat penting kerana elemen utama akauntabiliti boleh dilaksanakan melalui perakaunan dan pelaporan yang baik bagi membolehkan pihak berkepentingan memantau aktiviti yang dijalankan oleh institusi seperti baitul mal dalam menguruskan dana yang diamanahkan. Mengenai isu ketelusan dan tadbir urus, perbincangan terperinci oleh Al-Mawardi (2005) mengenai kepentingan penjawat awam dalam membelanjakan harta baitul mal boleh menjadi pencetus dalam memastikan pelaporan yang telus disamping menambahbaik struktur tadbir urus yang sesuai untuk MAIN. Bahagian seterusnya membincangkan perakaunan dana secara lebih terperinci.

Memandang ke hadapan: Perakaunan dana

Selaras dengan sorotan karya dan pengajaran yang dapat diambil, konsep *diwan* dilihat selari dengan perakaunan dana di institusi-institusi yang menguruskan wakaf, zakat dan baitulmal di Malaysia. Perakaunan dana biasanya merupakan salah satu ciri perakaunan bagi entiti yang bukan berasaskan keuntungan (Flynn & Koornhof, 2005). Perakaunan sebegini memerlukan semua aset, liabiliti dan sumber masuk dan keluar dikenalpasti bagi setiap dana. Objektif utama perakaunan dana adalah untuk membolehkan pemegang amanah memahami kelas-kelas dana yang berlainan yang perlu diuruskan oleh entiti yang diberi kepercayaan. Dengan menggunakan konsep perakaunan dana, ia dapat menunjukkan bagaimana akauntabiliti dilaksanakan oleh organisasi tersebut. Oleh yang demikian, kajian ini berpendapat bahawa perakaunan dana dilihat lebih mesra bagi entiti yang tidak menekankan keperluan membuat keuntungan.

Dalam konteks pengurusan semasa WZB di Malaysia, entiti seperti MAIN, boleh memegang dana terhad dan dana tanpa had. Sebagai contoh, dana zakat dan wakaf akan diambil kira sebagai dana berasingan dengan setiap satu dana dianggap sebagai entiti berasingan. Selanjutnya wakaf khas dan wakaf am juga perlu diambil kira sebagai dana yang berasingan. Sebarang keuntungan yang diperolehi daripada pelaburan daripada dana-dana yang berbeza perlulah dikembalikan untuk penggunaan dana tersebut dan tidak boleh digunakan bagi dana-dana berlainan. Sebagai contoh, jika dana wakaf dilaburkan dan memperolehi keuntungan, pulangan keuntungan tersebut perlulah dikembalikan semula kedalam dana wakaf; bukannya dana baitulmal. Layanan perakaunan juga boleh berubah mengikut objektif dan sifat tersendiri sesebuah dana. Oleh itu, perakaunan dana mungkin relevan dan sesuai untuk perakaunan dan pelaporan MAIN.

Sorotan karya sebelum ini turut mendedahkan tentang persamaan antara amalan semasa dan aktiviti baitul mal pada masa lalu. Khusus berkaitan wakaf, Ihsan and Ibrahim (2007), berasaskan ke atas amalan pelaporan dana wakaf di pelbagai institusi di Asia Tenggara, mereka mencadangkan bahawa pendapatan yang diterima untuk wakaf harus dikategorikan sama ada sebagai dana endowmen, dana terhad (*restricted fund*) dan dana tanpa had (*unrestricted fund*). Mereka juga mencadangkan bahawa institusi wakaf mengamalkan amalan pelaporan kewangan seperti yang digunapakai oleh badan-badan amal di United Kingdom (UK) dengan menyelaraskan pelaporan mereka dengan Penyata Aktiviti Kewangan – nama singkatannya SORP (Statement of Recommended Practices). Sulaiman, Adnan, dan Megat Mohd Nor (2009) menyokong cadangan ini kerana mereka percaya bahawa amalan pelaporan kewangan bagi badan amal adalah lebih sesuai untuk digunapakai oleh institusi yang menguruskan wakaf. Dengan itu mereka mencadangkan amalan perakaunan dan pelaporan MAIN boleh menggunakan kerangka kerja yang serupa, sepertimana yang digunapakai oleh badan amal di UK. Namun, kajian lebih mendalam diperlukan berkaitan perkara ini kerana terdapat juga anak-anak syarikat MAIN yang ditubuhkan mempunyai tujuan membuat keuntungan. Namun, perkara ini dikira tidak menjadi halangan yang terlalu besar kerana institusi yang hampir sama juga wujud di UK. Disamping itu, peranan SORP adalah bagi membantu piawai induk, yakni IFRS¹⁴ dalam menjelaskan cara pelaporan bagi

¹⁰ Cukai per kapita yang dikenakan kepada orang bukan Islam yang tinggal di bawah undang-undang Islam

¹¹ Cukai yang dikenakan untuk tanah pertanian di bawah undang-undang Islam

¹² Bermaksud harta karun yang diperolehi.

¹³ Ibn Qudamah mendefinisikannya sebagai harta benda yang hilang dan kemudiannya dijumpai tetapi pemiliknya tidak dapat dikesan.

¹⁴ International Financial Reporting Standard

entiti badan amal. Namun begitu, persoalan sama ada penggunapakaian penuh pelaporan badan amal di UK masih perlu diperhalusi. Selain SORP, Manual Perakaunan Pengurusan yang dikeluarkan oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) juga dilihat menyokong pengaplikasian perakaunan dana; dalam hal ini JAWHAR mencadangkan bahawa lembaran imbalan dan penyata untung dan rugi perlu disediakan untuk wakaf am dan khas. Selanjutnya, JAWHAR turut mencadangkan bahawa pendapatan, perbelanjaan, agihan serta pergerakan dana juga perlu dimasukkan mengikut dana tertentu.

Pada masa kini, setiap MAIN di Malaysia sememangnya telah menggunapakai dana yang berasingan untuk zakat, wakaf dan baitul mal. Ini menunjukkan bahawa MAIN telah mengamalkan apa yang diamalkan dalam sejarah awal Islam melalui penggunaan *diwan* yang berasingan. Kebanyakan MAIN telah mematuhi beberapa piawaian dan garis panduan dalam penyediaan pelaporan kewangan. Walau bagaimanapun, kajian ini mendapati terdapat kepelbagaian dalam format pelaporan dan amalan perakaunan di kalangan 14 MAIN. Sebahagiannya telah menggunapakai piawaian yang diisytiharkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MFRS dan MPERS), manakala sebahagian lagi menggunakan prinsip perakaunan yang diterima umum tanpa menyebut sebarang piawaian perakaunan tertentu. Pembelian aset, pemindahan antara dana dan geran kerajaan pusat/negeri kepada MAIN adalah beberapa contoh dinamik dalam menguruskan dana. Memandangkan tidak ada satu piawaian khas untuk membimbing MAIN dalam amalan perakaunan dan pelaporan, ini telah mengakibatkan kepelbagaian amalan dalam perakaunan dan pelaporan. Perbezaan dalam keputusan fatwa dan perundangan negeri turut mempengaruhi perbezaan amalan. Kepelbagaian amalan dalam menguruskan pelbagai dana dalam MAIN ini membuktikan bahawa usaha dan inisiatif strategik perlu dilaksanakan oleh MAIN demi kebaikan umat Islam di Malaysia. Oleh itu, usaha dalam penyediaan piawaian perakaunan bagi memenuhi keperluan pelaporan lengkap penyata kewangan, dan pendedahan baki dana terhad dan tanpa had untuk dana zakat, wakaf dan baitul mal di bawah kawalan MAIN dilihat perlu digiatkan. Inisiatif Jabatan Akauntan Negara Malaysia dalam membangunkan piawaian ini harus diberi pujian. Salah satu isu terpenting dalam perakaunan untuk WZB yang telah dikenalpasti adalah pemindahan antara tiga dana tersebut. Isu ini akan dibincangkan dalam perenggan seterusnya.

Transaksi antara-dana

Kewujudan dana yang berlainan beserta tahap budi bicara pengurus yang berbeza berkemungkinan menimbulkan beberapa cabaran dari segi pemantauan. Terdapat kemungkinan bilamana dana tertentu tidak mencukupi untuk membiayai perbelanjaannya. Dalam kes sedemikian, pihak pengurusan boleh menggunakan pinjaman daripada pihak luar atau mendapatkannya daripada dana lain sedia ada, secara dalaman. Penggunaan dana lain ini bagaimanapun perlu bergantung kepada sama ada terdapat sekatan khusus mengenai penggunaan dana tersebut. Ini sangat sesuai dengan konsep teori dana (*fund theory*) di mana aset ditakrifkan sebagai kewajipan dan sekatan terhadap penggunaannya (Jones & Belkaoui, 2010). Sebagai contoh, bagi wakaf khas, mungkin terdapat kekangan yang ditetapkan oleh penyumbang. Oleh itu, dana dari wakaf khas tidak boleh digunakan selain dari tujuan yang telah ditentukan. Dana ini tertakluk kepada tujuan khusus yang diputuskan oleh penyumbang. Ini juga terpakai untuk tanah, bangunan atau aset lain yang disumbangkan kepada entiti. Pemegang amanah akan dikira melanggar amanah jika mereka menggunakan pendapatan dari dana terhad selain daripada tujuan yang telah ditetapkan. Oleh yang demikian, maklumat terperinci mengenai perkara ini adalah penting bagi dana terhad tersebut untuk didedahkan secara berasingan dalam nota akaun. Walau bagaimanapun, jika dana ini tidak mempunyai kekangan maka penggunaannya juga dikira tidak terbatas. Dana am seperti ini juga dianggap sebagai dana tanpa had yang boleh digunakan secara umum mengikut objektif entiti.

Memandangkan terdapat kepelbagaian dana dengan ciri-ciri yang berbeza, pengurusan - atau lebih tepatnya tadbir urus dana sedemikian mesti dijelaskan untuk mengelakkan sebarang kekeliruan mengenai pemindahan antara dana. Dari perspektif perakaunan, ini memerlukan pemahaman yang lebih jelas mengenai sama ada transaksi itu dikira 'pinjaman' atau ianya adalah 'hadiah'. Transaksi antara dana ini tidak hanya tertumpu pada contoh di atas. Senario lain termasuk memindah pendapatan daripada dana terhad kepada dana tanpa had, pembelian aset/bekalan menggunakan gabungan kedua-dua dana terhad dan tidak terhad dan perkhidmatan yang digunakan secara bercampur antara kedua-dua dana iaitu dana terhad dan dana am (Gross, McCarthy, & Shelmon, 2005). Oleh itu, amat penting untuk kita amati seketika bahawa sememangnya terdapat peruntukan dalam perbincangan baitul mal di zaman awal Islam mengenai transaksi antara dana. Aghnides (1916) mendapati bahawa pada ketika itu, apabila terjadi situasi dimana salah satu dana tidak mempunyai harta yang mencukupi untuk menampung perbelanjaannya, maka dana itu dibenarkan "meminjam" daripada sumber yang mempunyai 'lebih'. Namun, kita perlu memastikan bahawa setiap transaksi tersebut mematuhi lunas-lunas shari'ah. Dengan ini, kita boleh mengandaikan bahawa amalan-amalan sejarah telah memberikan beberapa petunjuk penting tentang bagaimana transaksi antara dana ini boleh berfungsi.

KESIMPULAN

Wacana sejarah yang dibentangkan pada permulaan makalah ini bertujuan untuk menampilkan sifat baitul mal, sumber kekayaannya dan juga cara perbelanjaan. Jika diimbis kembali, wacana ini memberikan beberapa petunjuk penting dalam usaha merangka garis panduan bagi perakaunan, pengurusan dan tadbir urus bagi entiti yang serupa. Amalan kontemporari yang terdapat dalam MAIN dengan sumber harta yang berbeza memerlukan kita mengkaji bagaimana sumber-sumber ini diambil kira - dan yang lebih penting, bagaimana ianya diambil kira dengan lebih berakauntabiliti. Kewujudan sumber kekayaan yang berlainan dengan tujuan yang berbeza; disamping kekangan dari penyumbang dan juga Shari'ah memerlukan akauntabiliti berasingan untuk dana yang berasingan. Dalam erti kata lain, MAIN hendaklah menunjukkan bahawa mereka bertanggungjawab terhadap sumber setiap harta ini mengikut tujuan kewujudannya.

Bagi mencapai hasrat di atas, perakaunan dan pelaporan untuk dana berasingan dilihat sesuai dengan struktur pentadbiran MAIN, secara amnya. Memandangkan ciri-ciri perakaunan dana dilihat telahpun diamalkan di MAIN, keperluan penambahbaikan antara lain perlu berkisar tentang penzahiran pemisahan anatar dana-dana tersebut. Oleh kerana amalan ini dilihat tidak terlalu asing - seperti yang telah dibincang dalam sejarah baitul mal; MAIN mungkin boleh mengambil beberapa petunjuk daripada amalan sejarah yang telah dibincangkan dalam makalah ini. Usaha ini bagaimanapun tidak boleh terhenti setakat mendampingi pengajaran sejarah semata-mata. Sebaliknya, langkah seterusnya perlu diambil oleh MAIN dengan memberi penekanan kepada tadbir urus dana, kejelasan yang lebih berkaitan budi bicara pengurus harta, dasar mengenai cara perbelanjaan, dan lain-lain perkara yang berkaitan. Selain itu, amalan-amalan yang selari dengan konsep-konsep yang diperolehi dari sejarah Islam harus dipertimbangkan dalam pembangunan piawaian perakaunan dan pelaporan untuk WZB. Kemudian, ia harus diterima pakai oleh MAIN bagi menambah keyakinan pengguna pelaporan bahawa amalan sedemikian adalah memenuhi keperluan Syariah bagi kesejahteraan sejagat.

RUJUKAN

- Abu Ubayd al-Qasim, b. S. (1989). *Kitab al- Amwal*. Beirut: Dar al-Shuruq.
- Abu Ubayd al-Qasim, b. S. (2005). *The book of revenue : Kitab Al-Amwal* (I. A. Nyazee, Trans.). Reading: Garnet Publishing.
- Aghnides, N. P. (1916). *Mohammedan Theories of Finance*. PhD, Columbia, New York.
- Al-Mawardi, A. i. M. (2005). *al-Ahkam as-sultaniyyah: The laws of Islamic governance* (A. Yate, Trans.). London: Ta-Ha Publishers.
- Bernama. (2016). Piawaian Perakaunan Islam Untuk Pelaporan Kewangan Wakaf, Zakat Dan Baitulmal Dibentuk Retrieved 2nd Feb 2016, from <[http //www.bernama.com/bernama/ v8/index.php](http://www.bernama.com/bernama/v8/index.php)>
- Duri, A. a.-A. (2011). *Early Islamic Institutions : Administration and Taxation from the Caliphate to the Umayyads and Abbasids* (R. Ali, Trans.). London: I.B. Tauris & Centre for Arab Unity Studies.
- Flynn, D., & Koornhof, C. (2005). *Fundamental accounting*. Kenwyn: Juta.
- Gross, M. J., McCarthy, J. H., & Shelmon, N. E. (2005). *Financial and accounting guide for not-for-profit organizations, seventh edition*. Hoboken, N.J: Wiley.
- Ibn-Khaldun. (2005). *The Muqaddimah : an introduction to history* (F. Rosenthal, Trans.).Princeton, NJ: Princeton University Press.
- Ihsan, H., & Ibrahim, S. H. b. M. (2007). *Waqf accounting and possible use of SORP 2005 to develop waqf accounting standards*. Paper presented at the Singapore International Waqf Conference 2007, The Fullerton Hotel Singapore.
- Jones, S., & Belkaoui, A.-R. (2010). *Financial accounting theory*. South Melbourne: Cengage learning.
- Kahf, M. (2007). *The role of waqf in improving the ummah welfare*. Paper presented at the Singapore International Waqf Conference 2007 on 6-7 March 2007, The Fullerton Hotel Singapore.
- Le Tourneau, R. (1986). Bayt al-Mal. In H. A. R. Gibb, J. H. Krames, E. Levi-Provencal & J. Schacht (Eds.), *The encyclopaedia of Islam. vol. 1* (pp. 1141-1149). Leiden: E.J. Brill.
- Levy, R. (1957). *The Social structure of Islam, being the 2nd edition of "The Sociology of Islam", by Reuben Levy*. Cambridge: University Press.
- Mez, A. (1937). *The renaissance of Islam* (S. K. Bakhsh & D. S. Margoliouth, Trans.). Patna: Jubilee Print. and Pub. House.
- Mughal, M. A. (2012). Islamic Concept of Baytu'l-Mal (بيت المال كما اسالمى تصور) from <https://ssrn.com/abstract=2047575>
- Possumah, B. T., & Ismail, A.-G. (2012). Baitul Mal and Legal Constraint: Public Wealth Management in Malaysian Context. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 02(11), 27-52.
- Qaradawi, Y. (2011). *Fiqh al-Zakah : a comprehensive study of Zakah regulations and philosophy in the light of the Qur'an and Sunna* (M. Kahf & I. Siddiqui, Trans.). Kuala Lumpur: Islamic Book Trust.
- Sadr, K. (2016). *The economic system of the early Islamic period : institutions and policies*. New York: Palgrave Macmillan.
- Shirbini, M. i. A. (2015). *The book of endowment (kitab al-waqf) from Mughni al-muhtaj ila ma'rifat ma'ani al-faz al-minhaj* (N. M. Lock, Trans.). Kuala Lumpur: IBFIM.

- Suharto, U. (2005). *Kitāb al-amwāl : Abū 'Ubayd's concept of public finance*. Kuala Lumpur, Malaysia: International Institute of Islamic Thought and Civilization.
- Sulaiman, M., Adnan, M. A., & Megat Mohd Nor, P. N. S. (2009). Trust Me ! A Case Study of the International Islamic University Malaysia ' s Waqf Fund. *Review of Islamic Economics*, 13(1), 20.
- Zaid, O. A. (2000a). The appointment qualifications of Muslim accountants in the Middle Ages. *Accounting Education*, 9(4), 329-342. doi: 10.1080/09639280010012649
- Zaid, O. A. (2000b). Were Islamic Records Precursors To Accounting Books Based On The Italian Method? *The Accounting Historians Journal*, 27(1), 73-90.